

Kementerian Pelajaran tubuh Akademi Penerbitan

UM - 28/6/2007

KUALA LUMPUR 27 Jun - Sebuah akademi berteraskan penulisan, Akademi Penerbitan akan ditubuhkan oleh Kementerian Pelajaran di Nilai, Negeri Sembilan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Penubuhan akademi itu bertujuan melatih penulis, penerbit, penyunting dan individu yang terlibat dalam bidang penulisan agar menjadi lebih profesional dalam bidang tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Noh Omar memberitahu, dengan adanya akademi itu, golongan muda terutama pelajar sekolah akan lebih berminat untuk menceburi bidang penulisan.

Beliau juga percaya kewujudan akademi itu akan dapat membantu meningkatkan pembangunan modal insan sejajar dengan matlamat dan perancangan kerajaan.

Katanya lagi, bagi memastikan akademi tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan, kerjasama dan sokongan daripada pelbagai pihak terutama badan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta dan media massa amat diperlukan.


"Dengan adanya tajaan dan sokongan padu daripada semua pihak, kita yakin akademi ini akan mendapat sambutan yang menggalakkan dan tidak mustahil ia akan mengalahkan program realiti TV yang sedia ada," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pertandingan Pencarian Penulis Remaja Terunggul Peringkat Kebangsaan, di sini hari ini.

Pertandingan julung kali itu dianjurkan oleh syarikat penerbitan VC EduSmith (EduSmith) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Kumpulan Perbankan RHB yang bertujuan mencungkil bakat baru dalam dunia penulisan.

Sementara itu, Pengerusi EduSmith, Datuk Ahmad Rejal Arbee dalam ucapannya berharap, usaha itu akan memupuk kecintaan pelajar untuk menulis dalam bahasa Inggeris atau bahasa Malaysia.

"Usaha ini penting bagi menambah dan mempelbagaikan bahan bacaan agar impian untuk mewujudkan masyarakat gemar membaca terlaksana," jelasnya.



NOH Omar menurunkan tandatangan bagi merasmikan Pertandingan Pencarian Penulis Remaja Terunggul Peringkat Kebangsaan di Kuala Lumpur, semalam.